

Lebih 20,000 mangsa banjir dipindahkan

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM, MUSTAPA LAKAWA, FAIZAL NAZARUDDIN, KHAIRI MOHAMAD dan KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN
berita@kosmo.com.my



Banjir

bahaya 17.07m dan Sungai Padang Terap mencatat paras air 15.29m melepasi paras bahaya 13.02m.

Sementara itu, di **Perlis**, jumlah mangsa banjir meningkat dua kali ganda apabila 4,600 penduduk dipindahkan semalam berbanding 1,600 penduduk kelmarin.

Banjir yang sebelum ini melanda Padang Besar dan Arau kelmarin memasuki beberapa kawasan di sekitar Kangar apabila beberapa bangunan awam dan jalan di Kangar termasuk Hospital Tuanku Fauziah (HTF) ditenggelami air.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Ir. Nishad Moha-

Kawasan dilanda banjir

KEDAH
Padang Terap (39 kampung)
Kubang Pasu (39 kampung)
Pokok Sena (7 kampung)
Kota Setar (11 kampung)

PERLIS
Kangar
Padang Besar
Arau

KELANTAN
Pasir Mas
Pekan Rantau Panjang

TERENGGANU
Kuala Besut (1 kampung)

med Mohd. Shaffy, berkata, pihaknya menjangka hampir keseluruhan kawasan Kangar akan dilanda banjir sekiranya hujan terus berlaku selain pertembungan dua sungai yang membawa air dari Empangan Timah Tasoh sejak kelmarin.

Ujarnya, paras air di empangan itu terus meningkat apabila berada pada paras 30.85m berbanding 29.81m kelmarin.

Di **Kelantan**, seramai 297 orang yang tinggal di sekitar pekan Rantau Panjang dipindahkan berikutan air Sungai Golok mula melimpah dan menenggelamkan beberapa kawasan rendah sejak malam semalam.

Sembilan mangsa dari lima keluarga di Kampung Pantai, Kuala Besut, Besut di Terengganu pula dipindahkan ke pusat pemindahan selepas rumah mereka terdedah kepada ancaman ombak besar ekoran musim tengkujuh.



SEBAHAGIAN daripada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Rantau Panjang semalam.



BEBERAPA penduduk mengusung warga emas, Koo Weng Lim, 60, yang lumpuh di Kampung Kota Giam, Jitra semalam.

ALOR SETAR - Keadaan banjir di Utara dan Pantai Timur Semenanjung bertambah buruk apabila lebih 20,000 penduduk terpaksa ditempatkan di pusat-pusat pemindahan banjir semalam.

Di **Kedah**, seramai 15,432 penduduk daripada 4,251 keluarga di empat daerah di negeri tersebut dipindahkan ke 79 pusat pemindahan berbanding 2,000 penduduk kelmarin.

Paras air Sungai Kuala Nerang mencatat peningkatan 21.05 meter (m) berbanding kelmarin 19.81m melepasi paras

Budak maut, warga Jerman hilang

ALOR SETAR - Banjir yang melanda Kedah sejak Sabtu lalu meragut korban pertama apabila seorang kanak-kanak berusia 13 tahun ditemui mati lemas manakala seorang warga emas berbangsa Jerman hilang dalam kejadian di Padang Terap dan Kubang Pasu semalam.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Supritendan Ku Yaacob Ku Hamad berkata, mayat kanak-kanak itu, Mohd. Zaki Amani Shaari ditemui selepas dilaporkan hilang ketika memukat ikan di kawasan bendang bersama abangnya di Kampung Charok Bongor, Kuala Nerang dekat sini kira-kira pukul 5 petang semalam.

Katanya, mayat Mohd. Zaki ditemui kira-kira sejam kemudian di tempat dia dilihat tenggelam oleh penduduk kampung yang menjalankan gerakan mencari dan menyelamat.

"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Kuala Nerang untuk bedah siasat," katanya ketika dihubungi di sini.

Dalam pada itu, seorang wanita warga emas berbangsa Jerman dikhuatiri lemas setelah dihanyutkan arus deras berhampiran rumahnya di Kampung Kerenjis, Kota Giam, Jitra dekat sini malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Supritendan Sawaluddin Haminuddin berkata, mangsa, Erna Fisher, 64; dilaporkan hilang kira-kira pukul 8.30 malam ketika keluar bersama anak dan menantunya untuk menyelamatkan diri selepas rumah mereka dinaiki air.

Difahamkan, paras banjir di kampung berkenaan mencecah dua meter dan keadaan berbahaya kerana arus deras.

"Anak dan menantunya berjaya menyelamatkan diri tetapi mangsa dihanyutkan. Sehingga pukul 5 petang ini (semalam) mangsa belum ditemui," katanya.



PENGGUNA jalan raya terpaksa mengharungi air di pekan Rantau Panjang semalam.

Konvokesyen UUM ditangguh

SINTOK - Universiti Utara Malaysia (UUM) terpaksa menangguhkan sesi kelima dan keenam Sidang Kedua Majlis Konvokesyen ke-23 semalam berikutan kejadian banjir di beberapa daerah di Kedah sejak kelmarin.

Naib Canselornya, Profesor Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis konvokesyen bagi dua hari pertama sebelum ini yang bermula 31 Oktober hingga 1 November 2010 berjalan dengan lancar.

Bagaimanapun, katanya, sesi kelima dan keenam pada hari terakhir

konvokesyen itu terpaksa ditangguhkan kerana banjir di kawasan sekitar universiti.

Jelasnya, jalan utama yang menghubungkan UUM dengan bandar Alor Setar membabitkan Lebuhraya Utara-Selatan ditutup kepada semua kenderaan manakala beberapa laluan alternatif tidak selamat untuk digunakan.

"Kita amat berat hati untuk membuat keputusan ini tetapi demi kebaikan dan keselamatan para graduan, ibu bapa, waris dan kakitangan menyebabkan keputusan ini

terpaksa diambil.

"Ia juga dibuat kerana kebanyakan kakitangan yang bertugas sempena majlis konvokesyen turut terjejas akibat banjir sama ada rumah mereka dinaiki air atau terperangkap kerana jalan yang menghubungkan UUM ke kediaman mereka terputus," katanya di sini.

Mustafa berkata, semua graduan diminta sentiasa merujuk maklumat terkini di laman web universiti itu bagi mengetahui tarikh baru bagi menggantikan majlis konvokesyen yang tertangguh.

Hujan lebat berterusan punca banjir

KUALA LUMPUR - Hujan berterusan selama tiga hari merupakan antara punca beberapa bahagian hulu sungai melimpah sehingga mengakibatkan banjir besar di dua negeri di Utara Semenanjung ketika ini.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kedah, Ab. Qahar Osman berkata, terdapat dua sungai utama yang membawa arus sungai di bahagian hulu iaitu Sungai Bata ke Jitra dan Sungai Padang Terap ke Kuala Nerang.

"Hujan lebih 200 milimeter (mm) sehari dalam tempoh tiga hari berturut-turut menyebabkan banjir di Jitra dan beberapa kawasan lagi dan dijangka terus naik malam ini (semalam) sehingga pagi esok (hari ini).

"Sejak berlaku hujan, JPS telah mengumpul maklumat dengan melihat paras air sungai dan memaklumkan kepada Majlis Keselamatan Negara untuk tindakan selanjutnya. Bagaimanapun, kita berharap hujan tidak turun lagi," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ditanya sama ada punca banjir turut melibatkan air sungai dari negara jiran, beliau memberitahu, kejadian itu tidak berlaku sebaliknya punca disebabkan hujan selama tiga hari di negeri-negeri sebelah Utara Semenanjung.

"Bukan itu sahaja, paras air di Empangan Pedu juga masih terkawal buat masa ini, namun kita mengambil langkah berjaga-jaga," ujarnya.

Dihanyut air deras, terperangkap 16 jam di atas pokok apabila kampung dilanda banjir

Pengalaman cemas 6 sekeluarga

Oleh SHAH NIZAM OMAR
shahnizam.omar@kosmo.com.my

JITRA - Enam sekeluarga terpaksa mengharungi detik mencemaskan apabila banjir melanda Kampung Lahar di sini semalam.

Kejadian kira-kira pukul 7.30 petang itu berlaku apabila salah seorang mangsa, Baharom Omar (**gambar**), 54, tergelincir semasa melalui sebatang jalan ekoran air deras yang menghanyutkannya sejauh 50 meter ke kawasan bendang.

Dua anak Baharom, Mohd. Idzat, 24, dan Mohd. Idzar, 20, cuba menyelamatkan bapanya tetapi turut dihanyutkan air, namun mereka sempat berpaut pada sebuah tong minyak kosong.

Tiga lagi mangsa, Johar Mat Saman, 60, Norashimi, 28 dan Mohd. Roshidi Aziz, 17, yang berada di tempat kejadian ber-



tindak memanjat sebatang pokok berdekatan jalan tersebut bagi mengelak dihanyut air.

Mereka terperangkap di atas pokok itu sejak pukul 8 malam kelmarin dan hanya berjaya diselamatkan oleh penduduk kampung kira-kira pukul 12 tengah hari semalam.

Menurut Baharom, ketika kejadian kira-kira pukul 8 malam itu, dia dan dua anak serta tiga saudaranya cuba menyelamatkan barang-barang di rumah abangnya, Johar.

"Ketika itu suasana sudah gelap dan kami tidak nampak jalan menyebabkan saya tergelincir. Dua orang anak saya yang cuba menyelamatkan saya turut hanyut.

"Nyawa kami masih panjang kerana kami menemui sebuah



TIGA orang penduduk terperangkap di atas sebatang pokok selama 16 jam akibat banjir di Kampung Lahar, Jitra semalam.

tong minyak yang dihanyutkan air.

"Saya bersama anak-anak berpaut pada tong itu dan akhirnya berjaya diselamatkan," katanya.

Beliau juga bersyukur kerana tiga lagi ahli keluarganya yang terperangkap di atas pokok berjaya dibawa turun dengan bantuan penduduk kampung.



JOHAR (tiga dari kanan) dipimpin penduduk kampung selepas berjaya diselamatkan oleh penduduk Kampung Lahar, Jitra semalam

Dua tren KTM ke utara dibatal

KUALA LUMPUR - Dua perkhidmatan tren penumpang Keretapi Tanah Melayu (KTM) ke utara dibatalkan manakala satu lagi dijadualkan semula berikutan kawasan landasan Arau-Tunjang terpaksa ditutup setelah dinaiki air semalam.

Perkhidmatan tren yang dibatalkan ialah Ekspres Antarabangsa Bangkok-Butterworth-Bangkok dan Ekspres Senandung Langkawi Hatyai-Kuala Lumpur.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dalam satu kenyataan berkata, penumpang ekspres Senandung Langkawi dari Stesen Bukit Mertajam dan mana-mana stesen selepasnya yang menuju ke Kuala Lumpur boleh menaiki tren Ekspres Senandung Mutiara yang berlepas pada pukul 11 malam di Stesen Bukit Mertajam.

Perkhidmatan yang dijadualkan semula ialah Ekspres Senandung Langkawi Kuala Lumpur-Hatyai.

Tren hanya akan meneruskan perjalanan hingga ke Stesen Butterworth dan penumpang boleh menggunakan pengangkutan al-



KEADAAN landasan kereta api yang ditenggelami banjir di Arau semalam.

ternatif seperti bas dan teksi di Stesen Butterworth untuk meneruskan perjalanan ke destinasi masing-masing.

KTMB berkata, turut terjejas ialah perkhidmatan tren kargo.

Penumpang yang terlibat boleh mendapatkan pemulangan penuh wang mereka untuk perjalanan

yang dibatalkan ataupun menukar tarikh perjalanan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan mengenai perubahan jadual itu boleh menghubungi Pusat Panggilan KTM melalui talian 1-300-88-5862 atau mengunjungi stesen KTMB berhampiran.

Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim ditutup

ALOR SETAR - Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH) di Kepala Batas di sini ditutup pada pukul 6 petang semalam akibat banjir.

Berikutan itu, tiga penerbangan yang dijadualkan pada sebelah petang dan malam dibatalkan.

Ketua Unit Operasi LTSAH Abdul Rashid Md. Yusob ber-

kata, penutupan itu dibuat berikutan air naik sehingga ke landasan akibat limpahan banjir dari kawasan berdekatan.

"Ketiga-tiga penerbangan itu melibatkan pesawat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) ke Kuala Lumpur, AirAsia ke Kuala Lumpur dan FireFly ke Subang," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, empat penerbangan

yang dijadualkan pada pagi ini turut dibatalkan manakala penerbangan pada sebelah petang pula bergantung kepada keadaan banjir.

Jadual pagi ini melibatkan dua penerbangan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) ke Kuala Lumpur, satu pesawat AirAsia ke Kuala Lumpur dan satu pesawat FireFly ke Subang.

36 buah sekolah ditutup

KANGAR - Sebanyak 36 buah sekolah di tiga negeri terpaksa ditutup ekoran banjir yang semakin buruk semalam.

Di **Perlis**, Jabatan Pelajaran Perlis mengarahkan penutupan 21 buah sekolah yang dilanda banjir sedalam kira-kira 0.5 meter.

Pengarahnya, Mansor Lat berkata, penutupan sekolah terbabit melibatkan 9,226 pelajar di 11 buah sekolah kebangsaan (SK) dan 10 sekolah menengah kebangsaan (SMK) di tiga daerah iaitu Padang Besar, Arau dan Kangar.

"Antara yang ditutup ialah SK Panggas, SK Padang Melangit, SK Bukit Keteri, SK Santan, SK Arau, SK Tengku Budriah, SK Sanglang, SK Sri Indra dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Hwa Aik.

"Turut terjejas ialah SMK Dato' Sheikh Ahmad, SMK Arau, SMK Agama Arau, SMK Al-

maad, SMK Syed Hassan, SMK Vokasional Arau dan SMK Vokasional Kangar," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu di **Kelantan**, sebanyak sembilan buah sekolah di dua daerah iaitu Pasir Mas dan Tumpat terpaksa ditutup berikutan banjir ekoran hujan lebat selama dua hari berturut-turut.

Sekolah-sekolah yang terlibat di Pasir Mas ialah SK Sri Rantau Panjang 1, SK Sri Rantau Panjang 2, SK Rantau Panjang, SK Lubok Stol, SK Rahmat, SK Gual Tok Deh, SMK Rantau Panjang dan SJKC Khay Boon serta SK Chenderong Batu di Tumpat.

Di **Kedah** pula sebanyak enam buah sekolah di Daerah Kubang Pasu ditutup melibatkan lima buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah mulai semalam.



BEBERAPA remaja menggunakan tong sebagai rakit untuk mengharungi air di hadapan SMK Dato' Syed Ahmad di Kuala Nerang, Kedah semalam.